

Pendidik perlu lebih kreatif tarik minat Gen Z jiwai subjek sejarah

Jazliza
Jamaluddin,
Universiti Utara
Malaysia

Adakah Generasi Z (Gen Z) meminati sejarah dan tahu mengenainya? Hal ini agak menarik untuk diperkatakan berdasarkan kedudukan mereka sebagai 'digital native' iaitu kelompok yang dilahirkan ketika dunia mengalami globalisasi dan teknologi digital.

Gen Z adalah anak muda yang dilahirkan antara 1997 hingga 2012 dan ketika ini berusia dalam lingkungan sembilan hingga 24 tahun. Justeru, mereka ini adalah kelompok yang celik teknologi. Hal ini menjadikan mereka lebih handal dan bijak dalam mengelolakan gajet.

Disebabkan faktor globalisasi, mereka memperoleh segala jenis maklumat hanya dengan sekali klik. Internet dilihat sebagai sumber yang lebih dipercayai berbanding media konvensional dan arus perdana.

Hal yang mengusarkan, pilihan bacaan dan sumber maklumat mereka itu ada kala menghidangkan fakta salah atau tidak tepat. Sebenarnya dunia maya lebih banyak didominasi hiburan.

Satu hal yang perlu diperhatikan, Gen Z dilihat lebih suka menyendiri. Mereka tidak gemar ber-

interaksi dengan orang lain kerana pendedahan dunia maya yang dilihat lebih fleksibel.

Justeru menarik minat mereka terhadap sejarah atau mencetuskan semangat patriotisme dalam kalangan kelompok itu adalah hal yang mencabar.

Kajian penulis mendapati mereka dilihat lebih menyenangi hal berkaitan platform digital dan membabitkan teknologi semasa. Justeru pendidikan sejarah perlu dibuat menerusi kaedah itu.

Namun ia mestilah dibuat dalam durasi yang singkat dan menarik, misalnya berwarna-warni. Tersekat pada warna hitam dan putih akan menimbulkan kebosanan.

Begitu juga dengan kaedah pembelajaran sama ada di sekolah atau universiti. Kaedah pengajaran dalam kelas konvensional yang hanya bergantung kepada slaid pengajaran sahaja akan menyebabkan Gen Z tidak minat untuk ambil tahu. Apatah lagi jika anda mengajar subjek Sejarah.

Elak penyampaian bosan, statik

Justeru dalam konteks pengajar subjek Sejarah dan Kenegaraan khususnya apabila menyentuh mengenai perjuangan kemerdekaan, mereka perlu kreatif dan dinamik. Hal ini bagi mengelakkan

penyampaian menjadi bosan dan statik. Menjiwai perasaan Gen Z bukan bermaksud mengikuti kemahuan mereka tetapi sejajar dengan transformasi masa kini.

Sebenarnya, inilah cabaran dalam memupuk rasa semangat kemerdekaan di abad ke-21 dalam kalangan Gen Z. Apatah lagi kisah sejarah itu berada terlalu jauh di belakang mereka.

Justeru dalam memastikan Gen Z tidak leka dengan pengaruh teknologi digital yang sentiasa berubah dan alpa dengan sejarah negara bangsa yang akurat, maka peranan pelbagai pihak sama ada kerajaan atau ahli masyarakat perlu disatukan secara proaktif.

Hal ini tentu saja untuk memastikan pendedahan sejarah negara mencapai matlamat dalam memupuk semangat kemerdekaan dan menzahirkan rasa patriotisme dalam kalangan Gen Z.

Jika mereka mempunyai asas yang kukuh mencintai negara dan bangsa hasil daripada pemupukan nilai pensejarahan yang kuat, maka keraguan terhadap pelapis kepemimpinan negara pada masa depan tidak begitu dibimbangi.

Ini seumpama kata pepatah pemuda harapan bangsa pemuda tiang negara.